

Kerajaan tidak abai mana-mana kaum

UM - 23/11/2006

Setiap segmen masyarakat Malaysia menikmati habuan kemajuan ini dalam persekitaran yang aman, harmoni dan bertoleransi

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

KUALA LUMPUR 22 Nov. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pencapaian ekonomi negara yang cepat sejak mencapai kemerdekaan 49 tahun lalu tidak pernah membelakang atau mengabaikan mana-mana kumpulan etnik.

Menurut Perdana Menteri, ketika negara melalui evolusi pembangunan daripada ekonomi pertanian kepada industri dan kini ekonomi berasaskan maklumat, setiap segmen masyarakat Malaysia menikmati habuan kemajuan ini dalam persekitaran yang aman, harmoni dan bertoleransi.

“Dalam hal ini pencapaian Malaysia bukan berlaku secara kebetulan atau disebabkan nasib yang baik.

“Penghargaan perlu diberikan kepada pemimpin terdahulu bagi polisi pembangunan ekonomi yang strategik dan berpandangan jauh, bagi keberanian dan kesungguhan mereka untuk bersifat adil dan saksama kepada semua kaum dan bagi pencapaian kerjasama yang erat dan berkesan antara sektor awam dan swasta,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan di Majlis Makan Malam Dewan Perdagangan dan Industri Kebangsaan (NCCIM) di sini malam ini.

Teks ucapan Perdana Menteri dibacakan timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Turut hadir, Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik dan Presiden NCCIM, Datuk Seri Abdul Rahman Maidin.

Diperkukuh

Dalam hal ini, beliau berkata, penyertaan aktif sektor swasta perlu diterus dan diperkukuh bagi membentuk enjin utama pertumbuhan ekonomi dalam membina masyarakat progresif serta ekonomi yang kukuh.

“Dari segi pembangunan perniagaan, saya percaya adalah bermanfaat bagi syarikat gergasi tempatan untuk meletakkan beberapa syarikat industri kecil dan sederhana (IKS) di bawah sayap mereka dan memainkan peranan sebagai mentor,” kata Abdullah.

Ini, katanya, akan membantu dalam pertumbuhan IKS dan membolehkan mereka memperoleh kedudukan yang lebih stabil.

Beliau turut menggesa sektor swasta agar menyumbangkan idea ke arah mempertingkatkan sistem pendidikan negara serta tidak tunduk kepada kegiatan rasuah.

“Saya berharap sektor swasta akan terus membina kebolehan, kemahiran dan daya saingnya bagi mengambil semua peluang yang wujud di dalam dan luar negara.

“Kerajaan saya komited penuh dalam menjadikan sektor swasta sebagai enjin utama pertumbuhan,” tegasnya.